

FOTO: AMRAN HAMID, SHARUL HAFIZ ZAM DAN SHAIFUL SHAHRIN AHMAD PAUZI

MOHD Riduan Ahmad
mengemas barang selepas
rumah di Kampung Paya Tok
Kiong, Jitra dinaiki air.

TENGKUJUH BERTANDANG

Tak senang duduk

■ Paras air sungai sekejap turun
sebelum kembali naik paras bahaya

Oleh Norul Awatif Romli
awatifromli@hmetro.com.my
Alor Setar

Seorang wanita warga emas yang lumpuh separuh badan kecewa apabila kediaman yang dihuni bersama anak lelakinya di Bukit Pinang, Pokok Sena, di sini, hampir dimasuki air buat kali kedua akibat hujan lebat selama dua jam petang, kelmarin.

Siti Hawa Mat Yasi, 69, berkata, setakat jam 11 pagi, semalam, air Sungai Padang Terap di belakang rumahnya sudah melimpah dan menenggelami halaman setinggi 0.5 meter, manakala rumah jiran-nya sudah dimasuki air.

Katanya, kejadian itu kali kedua dialaminya dalam tempoh empat hari dan kali ketiga dalam tempoh dua tahun sejak tinggal di rumah berkenaan.

"Banjir juga berlaku Oktober tahun lalu, menyebabkan kami terpaksa berpindah ke pusat pemindahan di surau Kampung Lapangan Terbang.

"Bezanya tahun ini, banjir tidak menentu kerana selepas dibenarkan pulang Rabu lalu, paras air sungai kembali naik ke paras bahaya menyebabkan kami tidak senang duduk.

"Lebih membimbangkan kea-

daan diri saya yang lumpuh akibat angin ahmar kira-kira enam tahun lalu, membataskan pergerakan terutama ketika anak keluar bekerja," katanya ketika ditemui di rumahnya, di sini.

Siti Hawa berkata, berikutan keadaan paras air sungai semakin

membimbangkan, dia dan anaknya terpaksa mencari tempat selamat untuk menyimpan barangan.


"Berdasarkan pengalaman lalu, saya dan anak mengambil langkah berjaga-jaga lebih awal dengan mengemas semua pakaian dan peralatan elektrik bagi mengelak ditenggelami air," katanya.

Sementara itu, Pegawai Operasi Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Daerah Kota Setar Leftenan Muda C Sehgar berkata, tiga kampung iaitu Kampung Seri Pasir, Kampung Lapangan Terbang dan Lorong Sungai Pekan Bukit Pinang dipantau berikutan keadaan paras air Sungai Kepala Batas semakin kritikal.

Katanya, sehingga jam 11 pagi semalam, paras air di Sungai Padang Terap di Kepala Batas sudah mencapai paras bahaya iaitu 4.01 meter berbanding 3.6 meter petang kelmarin, menyebabkan lima rumah ditinggelami air.

"Sera-mai 15 mangsa

daripada dua keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan sementara di surau Kampung Lapangan Terbang, manakala tiga keluarga lagi menumpang di rumah jiran.



NAZRI Abdul Hamid (kiri)
meletakkan barangan di tempat
yang lebih tinggi apabila kediaman
di Kepala Batas dinaiki air.